

SOALAN LAZIM (FAQ) BAGI BORANG PERMOHONAN *ONLINE* PIDN 2009

1. **S:** Saya adalah pelajar tahun kedua di peringkat ijazah pertama, layakkah saya memohon dan bagaimanakah caranya?

J: Pelajar tahun 2 ke atas layak memohon. Pelajar perlu memilih peringkat pengajian yang sedang diikuti sekarang dalam borang permohonan online. Pilih syarat kemasukan asal untuk ke peringkat ijazah samada matrikulasi / asasi / STPM / STAM / *foundation* / *alpha* atau diploma. Seterusnya pilih tahun pengajian sekarang.

2. **S:** Saya adalah pelajar tahun kedua di peringkat diploma, layakkah saya memohon dan bagaimanakah caranya?

J: Pelajar tahun 2 ke atas layak memohon. Pelajar perlu memilih peringkat pengajian yang sedang diikuti sekarang dalam borang permohonan online. Pilih syarat kemasukan asal untuk ke peringkat diploma iaitu SPM. Seterusnya pilih tahun pengajian sekarang.

3. **S:** Bapa saya telah meninggal dunia. Saya dijaga oleh keluarga angkat. Apakah yang saya perlu isi di status ibu / bapa / penjaga?

J: Di ruangan butiran ibu / bapa isikan nama dan maklumat diri penjaga sekarang. Manakala ruangan status ibu / bapa pilih samada ibu / bapa kandung telah meninggal dunia, bercerai, tiada maklumat atau masih hidup.

4. **S:** Kursus yang saya ikuti sekarang tiada di dalam senarai pilihan kursus. Apakah yang saya perlu isikan di dalam pilihan tersebut?

J: Sila pilih kursus yang terhampir dengan kursus yang diikuti. Contoh: Sekiranya pelajar mengikuti kursus Kejuruteraan Perisian Komputer sila pilih Kejuruteraan Komputer.

5. **S:** Bapa saya adalah seorang pesara kerajaan? Apakah yang saya perlu isi di ruang pendapatan bapa?

J: Bagi pesara kerajaan, sila isikan jumlah pencen yang diterima bagi setiap bulan di ruangan tersebut.

6. **S:** Saya mengikuti kursus **pendidikan** di peringkat ijazah pertama. Adakah saya layak untuk memohon biasiswa ini?

J: Tidak. JPA tidak menawarkan penajaan dalam bidang **pendidikan**. Sila rujuk syarat-syarat permohonan.

7. **S:** Bilakah keputusan bagi permohonan ini dapat diketahui?

J: Keputusan akan diumumkan melalui laman web JPA 30 hari selepas tarikh tutup permohonan.

8. **S:** Berapa tahun saya perlu berkhidmat dengan kerajaan setelah tamat pengajian dengan jaya?

J: Tempoh berkhidmat dengan kerajaan adalah bergantung kepada kursus yang diikuti. Contoh:

- i) Perubatan / Pergigian - 10 tahun
- ii) Farmasi / Perubatan Veterinar - 6 tahun
- iii) Kejuruteraan / Teknologi - 6 tahun
- iv) Perakaunan / Undang-undang - 6 tahun
- v) Pengurusan / Sastera - 4 tahun
- vi) Biologi / Kimia / Matematik - 4 tahun

9. **S:** Setelah lengkap mengisi borang permohonan, saya tidak dapat mencetak slip pengesahan? Apakah yang saya perlu lakukan?

J: Jika mengalami sebarang masalah teknikal, sila hubungi 03- 8885 3552 / 3541 / 3653 / 3554. Panggilan boleh dilakukan pada waktu pejabat 8.00 pagi – 5.00 petang (Isnin hingga Jumaat).

10. **S:** Saya merupakan peminjam PTPTN . Jika saya berjaya di dalam permohonan biasiswa ini, adakah pihak JPA akan membayar kesemua wang yang telah diterima dari PTPTN tersebut.

J: Adalah menjadi tanggungjawab pelajar untuk menyelesaikan segala bantuan pinjaman yang telah diterima sebelum ini. Pihak JPA tidak akan membuat sebarang bayaran balik kepada PTPTN. Dasar penajaan JPA telah menetapkan bahawa setiap pelajar tajaan hanya boleh menerima satu sahaja penaja dalam satu masa. JPA berhak untuk menarik balik tajaan sekiranya didapati bahawa pelajar mempunyai 2 penaja di dalam satu masa.

11. **S:** Saya merupakan pelajar lepasan Diploma dan ditawarkan untuk terus berada di tahun 2 pengajian (*credit transfer*) peringkat ijazah pertama. Apakah yang perlu saya lakukan?

J: Sila pilih peringkat ijazah bagi peringkat pengajian sekarang. Seterusnya pilih borang *alpha / foundation / diploma* bagi kelayakan masuk ke peringkat ijazah pertama. Kemudian pastikan pelajar memilih *credit transfer* di ruang kelayakan masuk.